

NO. SOALAN: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW [SEREMBAN]

TARIKH : 8 OKTOBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran terperinci semua laluan penerbangan yang telah dijalankan oleh pesawat pengangkut VIP Airbus A319CJ dengan pendaftaran 9M-NAA milik TUDM dari 1 hingga 15 Ogos 2014, tujuan penerbangan tersebut, senarai penumpang dan butiran kos secara terperinci untuk tempoh tersebut.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Dewan, pesawat tersebut membawa YAB Perdana Menteri dan isteri serta delegasi beliau ke Belanda bagi tujuan lawatan rasmi. Lawatan ini diadakan bagi membincangkan penyelesaian kepada tragedi MH17.

Pesawat yang membawa YAB Perdana Menteri tersebut merupakan pesawat rasmi Kerajaan di mana ia digunakan atas urusan YAB Perdana Menteri. Segala kos yang terlibat dalam penerbangan tersebut adalah di dalam anggaran yang bersesuaian dengan perkhidmatannya.

Sekian. Terima kasih.